

**Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)**

*Office of Deputy Vice-Chancellor
(Academic and International)*

Universiti Teknologi MARA
Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 SHAH ALAM, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 5544 2002/ 2233
Faks: (+603) 5544 3210
<http://hea.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Surat Kami : 500-BPD(BKK. 14/3/2/3)
Tarikh : 7 Januari 2016

Semua
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit/Dekan Fakulti/Rektor
Universiti Teknologi MARA

YBhg. Datuk/Datin/Prof/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT PELARASAN PELAKSANAAN PROGRAM
BIASISWA SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTERA (SLAB) DAN SKIM LATIHAN
AKADEMIK IPTA (SLAI) TAHUN 2016 BERSAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
DAN UNIVERSITI AWAM (UA) PADA 16 DISEMBER 2015**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Biasiswa SLAB dan SLAI Tahun 2016 bersama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Awam (UA) pada 16 Disember 2015 telah menetapkan beberapa perubahan dasar SLAB/SLAI pada tahun 2016. Di antara perubahan-perubahan tersebut adalah seperti berikut :

- i. Bayaran **bench fees** dihadkan dan hanya akan dibayar jika ia diwajibkan atau benar-benar terdapat keperluan dengan nilai maksimum yang akan ditanggung oleh KPT berjumlah USD 20,000.00 sahaja. Perkara ini disebabkan oleh pihak Kementerian berjaya mengenal pasti beberapa kes bayaran **bench fees** ini dimanipulasi oleh pihak pegawai tajaan mahupun pihak universiti pengajian;
- ii. **Tiada pelanjutan pengajian** akan diluluskan bagi permohonan **mulai 1 Januari 2016**. Kelulusan pelanjutan pengajian hanya akan dipertimbangkan bagi permohonan-permohonan yang diterima sebelum 31 Disember 2015;
- iii. **Kemudahan PhD** seperti pembentangan kertas kerja di persidangan antarabangsa, penyelidikan di luar negara atau pulang ke Malaysia bagi tujuan kutipan data akan **ditangguhkan** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak;
- iv. Penawaran baharu bagi tahun 2016 hanya akan melibatkan universiti pengajian **dalam negara sahaja**.
- v. Jumlah kuota untuk keseluruhan Universiti Awam ialah sebanyak 450 penawaran baharu dengan pecahan program SLAB (150 orang), SLAI (150 orang), Sub Kepakaran (50 orang) dan Pos Doktoral (100 orang). Walau bagaimanapun, jumlah ini akan disemak semula berdasarkan prestasi perbelanjaan dan baki peruntukan semasa; dan
- vi. Penawaran baharu bagi tahun 2016 akan diberi keutamaan kepada **pengajian di peringkat PhD atau setaraf**.



3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/Datin/Prof/Tuan/Puan dipohon untuk memaklumkan mengenai perubahan dasar SLAB/SLAI ini kepada pemegang biasiswa staf akademik dan Tenaga Pengajar Muda di PTJ masing-masing. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya, Pejabat Pendaftar.

4. Atas kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Datin/Prof/Tuan/Puan mengenai perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



PROF Sr. Ir. Dr. SUHAIMI ABDUL TALIB
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)